



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2008

**PINDAAN KADAR IMBUHAN TETAP JAWATAN GRED KHAS
DAN IMBUHAN TETAP KERAJIAN BAGI JAWATAN GRED KHAS**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas dan Imbuhan Tetap Keraian bagi jawatan Gred Khas dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kadar Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 manakala kadar Imbuhan Tetap Keraian bagi jawatan Gred Khas adalah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas dan Imbuhan Tetap Keraian bagi jawatan Gred Khas adalah seperti yang ditetapkan dalam **Jadual** berikut:

**Jadual Kadar Baru Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas
Dan Imbuhan Tetap Keraian Bagi Jawatan Gred Khas**

Gred	Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas	Imbuhan Tetap Keraian Bagi Jawatan Gred Khas
Khas A	RM2,500.00	RM4,000.00
Khas B	RM1,500.00	RM3,050.00
Khas C	RM1,000.00	RM2,500.00

PINDAAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini:
- i. kadar Imbuhan Tetap Jawatan Gred Khas seperti di Lampiran D2, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991; dan
 - ii. kadar Imbuhan Tetap Keraian bagi jawatan Gred Khas seperti di perenggan 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996

adalah **dipinda**.

TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2008**.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

17 Jun 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan